

Kenyataan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai Majlis Penuh Pada 29 Julai 2011

1. PERLANTIKAN AHLI MAJLIS

Di sini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis iaitu Encik Ideris bin Ibrahim yang telah mengangkat sumpah penerimaan jawatan sebentar tadi. Saya harapkan Encik Ideris akan dapat bekerjasama dengan MPSP untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan MPSP. Kesempatan ini juga, saya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Encik Zulkiefly bin Saad yang mana perkhidmatan beliau sebagai Ahli Majlis MPSP telah tamat pada 30 Jun 2011 yang lalu. Majlis ingin merakamkan sekalung penghargaan di atas sumbangan dan kerjasama beliau selama ini.

2. ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM 2010-ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN KEWANGAN

MPSP telah turut serta dalam pertandingan Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan di Peringkat Nasional 2010. MPSP telah berjaya ke Peringkat Akhir dan berjaya di senarai pendekkan diantara tiga organisasi paling atas di Malaysia (top three in the country). Majlis penyampaian hadiah telah di sempurnakan oleh Tan Sri Mohd. Sidek Hassan pada 28 Julai 2011. Walau pun MPSP tidak memenangi hadiah anugerah tersebut, tetapi MPSP telah berjaya meletakkan namanya di antara tiga organisasi teratas di Malaysia adalah merupakan satu pencapaian yang amat cemerlang. Saya berharap ketua jabatan perbendaharaan dan ketua jabatan yang lain akan menjadikan pencapaian ini sebagai perangsang untuk membakar semangat bagi terus berusaha menjadikan inovasi dan kreativiti sebagai budaya Perkhidmatan kita di MPSP .

3. PENERIMAAN PINGAT ANUGERAH TYT SEMPENA HARI JADI YANG KE-73

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah di atas anugerah yang telah dikurniakan sempena Hari Jadi Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (DR.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas Negeri Yang Ke-73 yang lalu, iaitu ;

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>Pingat</u>
1	Maimunah Mohd Sharif	Yang DiPertua DJN
2	Sr. Hj Rozali bin Hj. Mohamud	Setiausaha Perbandaran BCN
3	En. Mohd Hairay bin Mohd Yusof	Perbendaharaan PKT
4	En. Shahrulnizad bin Abd Razak	Perbendaharaan PJK
5	Pn. Siti Haslinda binti Hasan	Pembangunan Korporat PJK
6	Pn. Norhayati Sulaiman	Khidmat Pengurusan PJK
7	En. Baderul Majidi bin Abdul Rahman	Penilaian PJK
8	En. Zakaria bin Ismail	Perancang Bandar PJK
9	En. Daeng Mustaffa Kamal bin Daeng Md Ibrahim	Undang-Undang PJK
10	Pn. Sarimah binti Ismail	Perancang Bandar PJK
11	En. Amir Ghazali	Ahli Majlis PJK
12	Cik Kusala Kumari a/p A. Shanmugam	Ahli Majlis PJK
13	En. Munir bin Affan @ Murad	Direktorat Penguatkuasaan PJM
14	En. Faizal bin Abu Bakar	Undang-Undang PJM
15	En. Sharul Nizam bin Shazalee	Khidmat Pengurusan PJM
16	En. Jamaludin Bin Mat	Pembangunan Korporat PJM
17	Pn. Nooriza binti Hashim	Perancang Bandar PJM
18	En. Mok Chek Kuang	Perancang Bandar PJM
19	Pn. Lye Foong Chee	Perbendaharaan PBS
20	En. Zainuddin bin Md Ma'asoom	Khidmat Pengurusan PBS
21	En. Md Rejab bin Idris	Khidmat Pengurusan PBS
22	En. Md Jusoh bin Md Isa	Khidmat Pengurusan PBS
23	En. Gannesan a/l Kanan	Khidmat Pengurusan PBS
24	En. Arumugom a/l Velloo	Khidmat Pengurusan PBS
25	En. Edmond a/l Govindasamy	Khidmat Pengurusan PBS

4. MAJLIS MELONTAR EM MUDBALL SEMPENA PROGRAM "A MILLION APOLOGIES TO MOTHER EARTH"

Sukacita dimaklumkan bahawa program tersebut akan diadakan pada 31 Julai 2011 (Ahad) bermula jam 2:00 petang sehingga 5:00 petang bertempat di Tapak Rekreasi Sungai Juru (berhampiran Pejabat JPS, SPT). Perasmian program tersebut akan disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri. Sehubungan itu, semua yang berada di sini, dijemput untuk hadir bersama-sama bagi memeriahkan lagi program program tersebut.

5. SISTEM TEMPAHAN GOTONG ROYONG MPSP

Dimaklumkan bahawa MPSP telahpun melancarkan Tempahan Gotong-Royong Online pada 23 Julai 2011 (Sabtu) yang telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri. Sehubungan itu, sekiranya pihak tuan / puan ingin memohon peralatan untuk tujuan gotong-royong, disarankan untuk mengemukakannya melalui laman web MPSP (24 jam) seperti berikut ;

www.mpsp.gov.my.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Jabatan Perkhidmatan Perbandaran ditalian 04-5497649.

**6. STATUS TERKINI PROGRAM CSR MPSP
(Corporate Social Responsibility)**

Pada 30 Jun 2011, MPSP telah melancarkan 25 tapak untuk program CSR (Pengindahan dan Lanskap). Status terkini program ini lah pihak SPEAD telah bersetuju untuk berkerja sama dengan MPSP untuk melaksanakan Pengindahan Sungai Perai untuk di jadikan taman jajar (linear park). 3 buah bulatan (round about) telah di persetujui oleh 3 syarikat swasta untuk di jadikan program angkat mereka. Saya menyeru organisasi , syarikat swasta, pihak industri, institusi kewangan seperti bank, syarikat insuran dan lain-lain untuk tampil bekerjasama dengan MPSP bagi membersihkan, menceriakan dan mencantikkan kawasan kita.

7. SELAMAT MENYAMBUT RAMADHAN AL-MUBARAK DAN HARI NUZUL AL-QURAN

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak 1432H / 2011M yang dijangka jatuh pada 1 Ogos 2011 kepada semua umat Islam dan seterusnya Selamat Berpuasa. Hari Nuzul Al-Quran juga adalah merupakan Hari Kelepasan Am dan dijangka jatuh pada 17 Ogos 2011 bersamaan 17 Ramadhan yang merupakan peristiwa turunnya ayat Al-Quran yang pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w.

8. SAMBUTAN PERAYAAN BULAN KEMERDEKAAN DAN KEMPEN MENGIBAR JALUR GEMILANG TAHUN 2011

Dimaklumkan bahawa Hari Kemerdekaan Negara Kali Ke-54 akan disambut di seluruh negara tidak lama lagi. Beberapa program sedang dirancang untuk dilaksanakan bagi tujuan tersebut. Di Peringkat Negeri Pulau Pinang, acara sambutan akan dimulakan dengan program Pelancaran Sambutan Hari Kemerdekaan dan Kibar Jalur Gemilang. Program tersebut akan disempurnakan oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang pada hari Sabtu, 30 Julai 2011 jam 2:00 petang bertempat di Aras 3, Konkos, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) Pulau Pinang. Sehubungan itu, adalah diharapkan semua warga Seberang Perai terutama pemilik premis perniagaan dapat menghias premis, kediaman, bangunan dan kawasan dengan mengibarkan Jalur Gemilang dan juga memasang lampu-lampu berwarna-warni pada waktu malam sepanjang perayaan ini.

Tema Hari Kemerdekaan Ke-54 pada tahun ini adalah “Transformasi Berjaya, Rakyat Sejahtera” .

Kerjasama dari semua pihak didahului dengan ucapan terima kasih.

9. TINDAKAN PENGUATKUASAAN MPSP BULAN JULAI 2011

Sepanjang bulan Julai 2011, Direktorat Penguatkuasaan telah menyerahkan 56 notis berhenti kerja dan 73 notis meroboh ke atas binaan-binaan tanpa kebenaran serta menjalankan 2 operasi meruntuh di Megamall dan Jalan Perai Jaya.

Sebanyak 1534 buah Premis Perniagaan juga telah diperiksa dan dari jumlah tersebut, sebanyak 118 Kompaun telah dikeluarkan kerana tidak mempunyai lesen.

Sepanjang tempoh tersebut juga, sebanyak 231 buah kenderaan telah dikunci tayar dengan kutipan sebanyak RM 11,550.00 bayaran diterima.

Sebagai makluman, sebanyak 10,780 kompaun parking telah dikeluarkan oleh Direktorat Penguatkuasaan dan 7,609 kompaun telah dibayar berjumlah RM143,062.00 sepanjang bulan Julai 2011.

SEKIAN, TERIMA KASIH.